

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 12 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah kerajaan sekiranya ada syarikat-syarikat yang kesalahan dibawah Akta Perusahaan 1967 dan jika ada berapakah jumlahnya dari tahun jangkamasa 1hb Januari 2010 hingga sekarang.

PR-1323-L64270

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Mana-mana aduan yang diterima oleh pihak Kementerian berhubung kesalahan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) akan dikendalikan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP). Sebaik sahaja aduan diterima, JPP akan membuka kertas siasatan dan hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan pendakwaan.

2. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, dalam tempoh bermula dari 1hb Januari 2010 hingga 26 September 2014, sebanyak 14 majikan telah didakwa atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 177.